

# Tasawwur Islami 'Zero To Hero III' bekalkan belia hadapi cabaran

Oleh: Nooradini Haji Abas  
Foto: Azmah Haji Ahad



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Harun bin Haji Junid semasa hadir pada Majlis Penutup Program Tasawwur Islami 'Zero To Hero III'.

MUKIM SENGKURONG, Ahad, 29 Mac.- Program Tasawwur Islami 'Zero To Hero III' yang telah berlangsung sejak 26 Mac 2015 diharap dapat membekalkan belia-belia dengan ilmu pengetahuan secara informal sebagai bekal untuk menghadapi cabaran yang mendatang.

Selubungannya itu, Majlis Penutup Tasawwur Islami 'Zero To Hero III' yang diungkuhkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Kumpulan Syababul Iman, Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong telah diadakan di masjid berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Harun bin Haji Junid, yang juga menyampaikan hadiah kepada Kumpulan Terbaik Program Tasawwur Islami.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkurong, Awang Rozisham bin Haji Chuchu.

Pada majlis itu, sebuah video mengenai aktiviti-aktiviti sepanjang program dijalankan juga ditayangkan. Program Tasawwur Islami yang

bertema 'Zero to Hero III' yang disertai oleh 150 belia itu merupakan usaha bagi menyalurkan pandangan positif dan identiti sebenar agama Islam khususnya kepada para belia.

Objektif program tersebut adalah untuk menerapkan aktiviti-aktiviti yang melibatkan kematangan fikiran, kekuatan fizikal dan mental serta disiplin diri untuk melengkapkan keyakinan diri dan meningkatkan motivasi diri.

Ia juga disasarkan untuk memberikan kesedaran diri dalam kalangan para belia (fizikal dan mental) akan pentingnya menaati tanggungjawab dan amanah mereka sebagai seorang muslim yang beriman dengan mendedahkan mereka dalam aktiviti-aktiviti yang akan memupuk sifat kerjasama, tolong-menolong dan sifat kemusiaan di dalam diri para peserta.

Selain itu, program itu juga adalah bagi merangsang para belia agar data atau *role model* dalam mempromosikan diri, pengetahuan dan keimanan mereka kepada



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Harun menyampaikan hadiah kepada peserta Program.

rakan-rakan sebaya.

Menerusi program itu dihasrat akan dijadikan sebagai titik permulaan bagi para peserta sebagai langkah pertama

untuk berhijrah ke arah membentuk diri menjadi belia Islam dan siap siaga membuka minda untuk berdepan dengan pelbagai cabaran di era.

## Pegangan Mazhab Shafi'i terus diperkukuh

Oleh: Hajah Siti Zuraiha Haji Awang Sulaiman  
Foto: Mohd. Mahdi Haji Marsidi



PENGARAH Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani menyampaikan ucapan penggulungannya pada Majlis Penutup Ceramah Umum Kefahaman Mazhab Shafi'i.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 28 Mac. - Pegangan umat Islam bermazhab Shafi'i di Negara Brunei Darussalam akan terus diperkukuh dari semasa ke semasa untuk memastikan kesatuan ummah, keharmonian, ketenteraman dan kestabilan sosiopolitik terus diraih hingga bila-bila.

Antara faktor utama yang membawa berkekalannya Mazhab Shafi'i di negara ini ialah kecintaan yang kuat di kalangan masyarakat Islam di Brunei terhadap Rasulullah yang direalisasikan menerusi kefahaman dan ajaran Mazhab Shafi'i; tabiat Mazhab Shafi'i yang sederhana dan mudah diikuti oleh masyarakat Islam setempat dan keyakinan dan ketaatan masyarakat Brunei yang tidak berbehalah kepada pimpinan pemrinter dan ulama yang berpegang kuat kepada ajaran Mazhab Shafi'i.

Demikian dijelaskan oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani semasa menyampaikan ucapan penggulungannya pada Majlis Penutup Ceramah Umum Kefahaman Mazhab Shafi'i, berlangsung di Dewan Jubli, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), di sini.

"Di sinilah peranan signifikan yang dimainkan oleh Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i UNISSA dalam menyumbang bakti dan khidmat kepada masyarakat dan tanah air demi memperkukuhkan kedudukan Mazhab Shafi'i di bumi Brunei Darussalam, iaitu dengan mengendalikannya pelbagai aktiviti akademik atau separa

akademik, memberi kursus kepada yang berkenaan, memberi bimbingan dan khidmat nasihat, serta menghasilkan penyelidikan yang kesemuanya berpaksikan kepada bidang ilmu Mazhab Shafi'i," jelasnya.

Menurut Dr. Abdul Nasir, nama al-Imam al-Shafi'i masih menjadi ristaan hingga ke hari ini dan namanya tetap dikenali di mana-mana dan mazhabnya tidak luput ditelan zaman bahkan terus berkembang dengan pesat hasil usaha keras murid dan pengikut al-Imam al-Shafi'i yang setia menyebarkan pemikiran dan ajaran mazhabnya.

Keunikan dan kesistematikan metodologi ilmu Mazhab Shafi'i, tambah Dr. Abdul Nasir menjadikan sangat berpengaruh sehingga mampu menarik ramai pengikut dari pelbagai negara seperti Mesir, Yaman, Bahrain dan juga negara-negara Islam di rantau Asia Tenggara seperti Republik Indonesia, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Dengan keramaian pengikut ini, jelasnya, secara sadar atau tidak telah menjadikan Mazhab Shafi'i sebagai mazhab kedua terbesar iktuan umat Islam di seluruh dunia selepas Mazhab Hanafi.

Menurutnya, pakar-pakar sejarah telah spakat mengatakan bahawa penyebaran Islam bermazhab Shafi'i ke Negara Brunei Darussalam adalah dibawa oleh para saudagar Islam yang juga bertindak sebagai 'muballigh' sama ada yang berbangsa Arab, Parsi, Cina atau India.

Kesan dan pengaruh Mazhab Shafi'i di Negara Brunei Darussalam, tambahnya, jelas dapat dilihat dari pelbagai aspek, iaitu aspek perundangan dan mengeluarakan fatwa.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat iaitu Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad telah menyampaikan sijn dan sughati kepada penceramah-penceramah Siri I hingga 5.

Terdahulu, dua buah kertas kerja telah dibentangkan bagi Siri Terakhir Ceramah Umum Kefahaman Mazhab Shafi'i yang bertajuk 'Penyebaran Mazhab Shafi'i ke Negara Brunei Darussalam' oleh Profesor Madya Dr. Haji Mahayudin bin Haji Yahaia dari Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam, dan 'Pengalaman Mazhab Shafi'i Di Negara Brunei Darussalam'

oleh Dayang Nurul Halimatulwala' diri menjadi belia Islam dan siap siaga membuka minda untuk berdepan dengan pelbagai cabaran di era.

Siri pertama ceramah umum telah diisikan dengan kertas kerja bertajuk 'Kelahiran al-Imam al-Shafi'i dan Nasab Keturunannya' oleh Dayang Suad binti Dr. Haji Serbini dan 'Syakhsyah al-Imam al-Shafi'i' oleh Dr. Nurul Huda binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Ismail dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang.

Sementara siri kedua yang diadakan pada 7 Mac 2015 membentangkan kertas kerja bertajuk 'al-Imam al-Shafi'i dalam fasa menuntun ilmu' disampaikan oleh Awang Yusfariza binti Yusop dari Fakulti Usuluddin, manakala kertas kerja 'al-Imam al-Shafi'i Dalam Fasa Mengajar dan Mentadabir' disampaikan oleh Dayang Hajah Norhayati binti Haji Abdul Karim dari Fakulti Bahasa Arab dan Tamadun Islam.

Siri ketiga ceramah pada 14 Mac 2015 pula membentangkan kertas kerja bertajuk 'Penulisan al-Imam al-Shafi'i Dalam Bidang Usul al-Fiqh' oleh Dayang Hajah Nurasmah binti Haji Damit, manakala 'Penulisan al-Imam al-Shafi'i Dalam Bidang Fiqh (Qawl Qadim dan Qawl Jadid)' akan disampaikan oleh Dayang Siti Zaliha binti Haji Abu Salim dari Fakulti Syariah dan Undang-Undang.

Pada siri keempat yang telah diadakan pada 21 Mac membentangkan kertas kerja 'Pandangan Para Ulama Terhadap al-Imam al-Shafi'i' oleh Dr. Lilly Suzana binti Shamsu dari Fakulti Usuluddin dan 'Keistimewaan Mazhab Shafi'i Berbanding Mazhab Lain' dari Dr. Kamaru Salam bin Yusop dari Fakulti Perniagaan dan Sains Pengurusan.

Ceramah yang dihadiri oleh mahasiswa/mahasiswi termasuk kakitangan jabatan-jabatan kerajaan, swasta dan orang persendirian itu antaranya bertujuan untuk memberi pengetahuan kepada orang ramai tentang sumbangan al-Imam al-Shafi'i dalam pengembangan ilmu pengetahuan Islam khususnya dalam bidang ilmu Fiqh dan Usul al-Fiqh termasuk memperkenalkan sumbangan tulisan-tulisan al-Imam al-Shafi'i khususnya dalam bidang Fiqh dan Usul Fiqh.

## Pengislaman sekeluarga puak Dusun



AWANG Muhammad Izzul Islam bin Abdullah Indab ketika melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Pegawai Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah.

Oleh: Khartini Hamir

Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 27 Mac. - Negara Brunei Darussalam telah disyitihar sebagai Negara Zikir yang menjadikan Islam sebagai agama rasminya dengan pegangannya menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan kehadiran saudara-saudara baru akan menambahkan lagi jumlah umat Islam di negara ini yang sentiasa mengamalkan nilai-nilai ahlak mulia dan meningkatkan pelbagai syiar Islam.

Selubungannya itu, hari ini menyaksikan Awang Sukat bin Indab, 40, bersama keluarga beliau, iaitu isterinya, Dayang Siti Romiah binti Atar, 34, dan anak-anaknya Dayang Lana Fatimah binti Sukat, 8, Awang Nabil Daris bin Sukat, 7, Awang Rawie Abbasy bin Sukat, 5, dan Dayang Hanah Fattana binti Sukat, 3, melafazkan ikrar pengislaman mereka di hadapan Pegawai Pengislaman Pusat Da'wah Islamiah.

Pada majlis yang berlangsung di Dewan Punai, Pengkalan Tertera Udara Diraja Brunei, di Rimba turut dihadiri oleh Pemangku Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Laksamana Pertama Dato Seri Pahlawan Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit selaku tetamu kehormat.

Awang Sukat bin Indab telah memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Izzul Islam bin Abdullah Indab, sementara isterinya memilih nama Islamnya sebagai Dayang Nur Rakha Syahindah binti Abdullah Atar.

Manakala anak-anak beliau masing-masing dikenali sebagai Dayang Nur Ariqa Fatimah binti Muhammad Izzul Islam, Awang Muhammad Nabil Daris bin Muhammad Izzul Islam, Awang Muhammad Rawie Abbasy bin Muhammad Izzul Islam dan Dayang Nur Ariqa Fathana binti Muhammad Izzul Islam.

Majlis disertakan dengan bacaan Dikir Marhaban dan menabur bunga rampai kepada saudara-saudara baru yang diraikan dan penyampaian cenderahati yang telah disampaikan oleh tetamu kehormat kepada Awang Muhammad Izzul Islam dan keluarga.

Menurut catatan keramaian masuk Islam seluruh negara dari Januari hingga Disember 2014 telah mencatatkan seramai 585 orang saudara baru, sementara catatan keramaian masuk Islam seluruh negara dari Januari hingga Februari 2015 mencatatkan seramai 67 orang, manakala catatan keramaian masuk Islam bagi Daerah Brunei dan Muara bagi bulan Januari hingga Februari 2015 sahaja telah mencatatkan seramai 36 orang saudara baru.